



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERBEZAAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUALA SELANGOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NORAZILA BINTI DAWOOD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERBEZAAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH KUALA SELANGOR**

NORAZILA BINTI DAWOOD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
PENGURUSAN PERNIAGAAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13.....(hari bulan) Dis.....(bulan) 2013....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORAZILA BT DAWOOD M20111000463 FPE (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PERBEZAAN KECENDERUNGAN KEUSAHAANAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUALA SELANGOR

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, JAMIL @NORDIN YUNUS (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERBEZAAN KECENDERUNGAN KEUSAHAANAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUALA SELANGOR

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13/12/2013

Tarikh



Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah, dengan izinNya kertas penyelidikan ini dapat juga disiapkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia utama saya Dr. Jamal @ Nordin bin Yunus di atas bimbingan, nasihat serta dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga kepada Dr. Ahmad Zainal Abidin bin Abd Razak selaku penyelia bersama, para pensyarah, pegawai, kakitangan dan seluruh warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah memberikan banyak kerjasama sepanjang kajian dan penulisan penyelidikan ini dijalankan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada suami, anak-anak dan rakan-rakan saya yang tidak putus-putus memberikan kata-kata nasihat, dorongan serta semangat kepada saya untuk meneruskan penyelidikan ini. Tidak lupa juga terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini iaitu dari kalangan guru-guru, kakitangan dan juga responden dari Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama, Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Alam dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman Shah di daerah Kuala Selangor, Selangor. Kerjasama sepenuhnya oleh semua pihak amatlah saya hargai.

Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kertas penyelidikan ini.

Wassalam.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbezaan kecenderungan keusahawanan pelajar dari tiga buah sekolah menengah harian di daerah Kuala Selangor, Selangor. Secara khususnya, kajian berbentuk kuantitatif ini mengkaji pengaruh pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar iaitu ciri-ciri peribadi pelajar, hal berkaitan keluarga, hal berkaitan sekolah, pengaruh individu, dan pengalaman bekerja pelajar terhadap lima ciri kecenderungan keusahawanan iaitu keinginan untuk mencapai kejayaan, kreativiti dan inovasi, kawalan lokus dalaman, mengambil risiko terencana, dan keinginan autonomi. Seramai 300 orang pelajar Tingkatan Tiga dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian. Instrumen yang digunakan bagi pengumpulan data dibentuk berdasarkan kepada *Entrepreneurial Attitude Orientation* (Robinson *et al.* 1991), *General Enterprising Tendency Test* (1988) dan Gray (1989). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara ciri-ciri kecenderungan keusahawanan dengan jantina, etnik, kedudukan dalam keluarga, pengaruh individu dan pengalaman bekerja. Dapatkan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara ciri-ciri kecenderungan keusahawanan dengan pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, jawatan yang disandang di sekolah dan aliran Kemahiran Hidup. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada guru untuk menggalakkan pelajar agar menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan dan kepada pihak pentadbiran kolej dalam memperkemaskin penawaran kursus-kursus vokasional atau keusahawanan yang dijalankan. Inisiatif dan kerjasama semua pihak dalam membangunkan usahawan dari kalangan golongan muda adalah sangat penting kerana kecenderungan kepada bidang keusahawanan ini akan membuka peluang yang lebih besar bagi merancakkan lagi pertumbuhan perniagaan firma berteknologi tinggi dan seterusnya akan menjana ekonomi Malaysia dengan lebih pantas.





DIFFERENCE IN ENTREPRENEURIAL INTENTION AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN KUALA SELANGOR DISTRICT

ABSTRACT

This study attempted to investigate the difference in entrepreneurial intention among the students from three secondary schools in Kuala Selangor district, Selangor. Specifically, this quantitative study aimed to investigate the influence of independent variables namely students' personal characteristics, family-related matters, school-related matters, influence from other people, and working experience on five characteristics of entrepreneurship intention namely the achievement motivation, creativity and innovation, internal locus of control, calculated risk-taking, and needs for autonomy. In this study, 300 Form Three students were selected as respondents using simple random sampling method. For data collection, an instrument was constructed with reference to the Entrepreneurial Attitude Orientation by Robinson et al. (1991), the General Enterprising Tendency Test (1988) and Gray (1989). Results of this study showed that there were significant differences in entrepreneurial intention characteristics in terms of gender, ethnic, ranking in family, influence from other people and working experience. This study also showed that there were no significant differences in entrepreneurial intention characteristics in terms of parents' income, parents' occupation, position held in school and Kemahiran Hidup's elective stream. It is hoped that this study will serve as a guide for teachers in encouraging students for choosing entrepreneurship as a career option and for college administrators in streamlining the offering of vocational or entrepreneurship courses. Initiatives and cooperation of all parties in developing entrepreneurs among young people are very important because the propensity to entrepreneurship will open greater opportunities to boost business growth in high-tech firms and consequently will stimulate the growth of Malaysia's economy much faster.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN NAMA	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN



1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	
1.4.1 Objektif Umum	8
1.4.2 Objektif Khusus	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Model Kajian	12
1.8 Rasional Kajian	15
1.9 Signifikan Kajian	16
1.10 Skop Kajian	17





1.11	Limitasi Kajian	17
1.12	Definisi Konseptual	18
1.13	Definisi Operasional	25

BAB 2 ULASAN KARYA

2.1	Definisi Konsep Penting	30
2.1.1	Keusahawanan	30
2.1.2	Kecenderungan Keusahawanan	37
2.2	Hubungan Latar Belakang Responden Terhadap Kecenderungan Keusahawanan	46
2.3	Rumusan	53



3.1	Pengenalan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Unit Analisis	56
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	56
3.4.1	Prosedur persampelan	58
3.3.2	Pembangunan soal selidik	59
3.5	Alat Kajian	60
3.5.1	Pembinaan Alat Kajian	60
3.5.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	66
3.5.3	Kajian Rintis	68
3.6	Tatacara Pemerolehan Data	69





3.7	Tatacara Penganalisaan Data	71
3.8	Rumusan	73

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Taburan Responden	75
4.2	Mengkaji Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Ciri-Ciri Peribadi Pelajar	79
	4.2.1 Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Di Antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan	79
	4.2.2 Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Di Antara Etnik Pelajar	82
4.3	Mengkaji Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Hal-Hal Berkaitan Keluarga	86
4.3.1	4.3.1 Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Kedudukan Pelajar Dalam Keluarga	86
	4.3.2 Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Pendapatan Ibu Bapa Pelajar	92
	4.3.3 Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar	95
4.4	Mengkaji Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Hal-Hal Berkaitan Sekolah	97
	4.4.1 Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Aliran Kemahiran Hidup Pelajar	98
	4.4.2 Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Jawatan Yang Disandang Pelajar	100
4.5	Mengkaji Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Pengalaman Bekerja Pelajar	108
4.6	Mengkaji Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Dengan Pengaruh Individu	117
4.7	Rumusan	121



**BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	122
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	123
5.2.1	Jantina Pelajar	124
5.2.2	Etnik Pelajar	126
5.2.3	Kedudukan Pelajar Dalam Keluarga	127
5.2.4	Pendapatan Ibu Bapa Pelajar	128
5.2.5	Pekerjaan Ibu dan Bapa Pelajar	130
5.2.6	Aliran Kemahiran Hidup Pelajar	131
5.2.7	Jawatan Yang Disandang Pelajar	132
5.2.8	Pengalaman Bekerja Pelajar	133
5.2.9	Pengaruh Individu	134
5.3	Kesimpulan	137
5.4	Cadangan	138
5.5	Penutup	143
	RUJUKAN	144





SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 3.1	Populasi Kajian	58
Jadual 3.2	Item Soal Selidik Bahagian B	61
Jadual 3.3	Item Soal Selidik Bahagian C	61
Jadual 3.4	Item Keinginan Untuk Mencapai Kejayaan	62
Jadual 3.5	Item Kreativiti dan Inovasi	63
Jadual 3.6	Item Kawalan Lokus Dalaman	64
Jadual 3.7	Item Mengambil Risiko Terencana	64
Jadual 3.8	Item Keinginan Autonomi	65
Jadual 3.9	Skema Keputusan Kajian Rintis Bagi Setiap Ciri	68
Jadual 3.10	Rekod Lawatan ke Sekolah-Sekolah	70
Jadual 3.11	Taburan Responden	71
Jadual 3.12	Huraian Umum Analisis Data	72
Jadual 4.1	Jantina Responden	75
Jadual 4.2	Etnik Responden	76
Jadual 4.3	Pendapatan Ibu Bapa Responden	76
Jadual 4.4	Kedudukan Responden Dalam Keluarga	77
Jadual 4.5	Pekerjaan Bapa/Penjaga Responden	77
Jadual 4.6	Pekerjaan Ibu Responden	78
Jadual 4.7	Aliran Kemahiran Hidup Responden	78
Jadual 4.8	Analisis Ujian-T Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Jantina Pelajar	80
Jadual 4.9	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Etnik Pelajar	83





Jadual 4.10	Analisis Ujian Post-Hoc Tukey HSD Berdasarkan Etnik Pelajar	84
Jadual 4.11	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Kedudukan Pelajar Dalam Keluarga	87
Jadual 4.12	Ujian Post Hoc Tukey Berdasarkan Kedudukan Pelajar Dalam Keluarga	89
Jadual 4.13	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa Pelajar	93
Jadual 4.14	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar	96
Jadual 4.15	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Aliran Kemahiran Hidup Pelajar	99
Jadual 4.16	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Jawatan Pengawas	102
Jadual 4.17	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Jawatan Ketua/Penolong Ketua Kelas	103
Jadual 4.18	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Jawatan AJK Tertinggi Kelab/ Persatuan	105
Jadual 4.19	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Jawatan Ahli Biasa Kelab/ Persatuan	106
Jadual 4.20	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Pengalaman Menjual Barang	109
Jadual 4.21	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Pengalaman Mengendalikan Akaun	110
Jadual 4.22	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Pengalaman Membantu Menguruskan Perniagaan	112
Jadual 4.23	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Pengalaman Menghadiri Kursus Keusahawanan	113





Jadual 4.24	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Tiada Pengalaman Bekerja	115
Jadual 4.25	Analisis Varian Sehala Bagi Setiap Ciri Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Pengaruh Individu	118
Jadual 4.26	Individu Yang Paling Mempengaruhi Pelajar Untuk Menjalankan Perniagaan	119
Jadual 5.1	Rumusan Perbezaan Kecenderungan Keusahawanan Responden	136

Rajah**Muka Surat**

Rajah 1.1	Model Skematik Menunjukkan Hubung Kait Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah	14
-----------	---	----



SENARAI SINGKATAN NAMA

Singkatan Nama	Maksud
SMK4S	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman Shah
SMKPA	Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Alam
SMKSU	Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Surat-Surat Kebenaran
 - (i) Surat Kelulusan Khas Menjalankan Kajian di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-Bahagian di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dari Kementerian Pelajaran Malaysia.
 - (ii) Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di sekolah Dalam Negeri Selangor dari Jabatan Pelajaran Selangor.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Dunia keusahawanan sering digambarkan sebagai satu keadaan persekitaran yang penuh dengan persaingan (Groenwald, 2010). Kecenderungan terhadap keusahawanan pula melambangkan kemampuan seseorang individu mengambil manfaat daripada persaingan yang dihadapi yang membolehkan mereka terus maju ke hadapan (Morris & Kuratko, 2008). Bidang keusahawanan telah berkembang dengan begitu ketara di Malaysia bermula dari krisis kemelesetan ekonomi dan pengangguran di pertengahan tahun 1980an. Bidang keusahawanan telah mendapat perhatian oleh penggubal dasar pendidikan negara sejajar dengan saranan kerajaan yang menggalakkan rakyat





Malaysia supaya tidak hanya bergantung kepada pekerjaan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta semata-mata.

Kerajaan sentiasa menyokong amalan kecenderungan keusahawanan seperti budaya kreatif, proaktif dan inovatif melalui pelan tindakan yang berkesan dalam perancangan program-program pembangunan negara. Ia adalah satu kaedah bagi memberi suntikan inovasi dan kreativiti kepada pelajar-pelajar melalui pembangunan ekosistem yang berupaya melakukan perubahan ke arah itu. Menurut Lee dan Lee (2007), kajian inovasi kebangsaan yang dijalankan di Malaysia mendapati hanya 21%-42% daripada syarikat yang dikaji merupakan inovator iaitu yang dianggap sebagai pemacu untuk memastikan organisasi kekal dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu, galakan terhadap amalan kecenderungan keusahawanan pelajar dalam merencanakan kepesatan pembangunan negara dan keunggulan modal insan yang menepati piawai sebagai sebuah negara maju adalah diperlukan dan kecenderungan terhadap keusahawanan ini harus dipupuk di dalam diri sejak muda lagi.

1.2 Latar belakang kajian

Keusahawanan memberikan impak positif dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara (Navarro, Torres & Iglesias, 2009). Pembangunan ini bergantung kepada





modal insan yang cukup terlatih. Pendidikan keusahawanan bukan hanya dengan belajar tentang pengurusan perniagaan tetapi berkenaan ‘belajar’ bagaimana mengintegrasikan pengalaman, kemahiran dan menyediakan murid untuk memulakan sesuatu pengetahuan yang baru (Nabi & Holden, 2008). Pendedahan kepada pendidikan keusahawanan adalah dengan menyediakan murid agar dapat membina perniagaan sendiri setelah tamat belajar, atau menyediakan murid di tempat kerja dalam keadaan lebih berdaya saing dan inovatif (Hynes & Richardson, 2007). Justeru itu, pendidikan keusahawanan seharusnya dapat membawa kepada kesungguhan keusahawanan, yang mana boleh dijelaskan dengan membina perniagaan dan mengekalkan perniagaan tersebut.



pelajar lepasan universiti untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian dan tidak terlalu bergantung kepada kerja makan gaji semata-mata. Untuk merangsang minat pelajar universiti dalam bidang keusahawanan, bermula dari ambilan Julai 2007 dan seterusnya, Kementerian Pengajian Tinggi telah mewajibkan semua pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengambil mata pelajaran keusahawanan sebagai satu mata pelajaran wajib (Utusan Malaysia : 2 Julai 2007). Ini adalah bertujuan untuk membuka minda para pelajar ke arah berdikari dan memberi pendedahan asas untuk menerokai setiap peluang yang ada di dalam negara dalam bidang keusahawanan. Memandangkan betapa pentingnya bidang keusahawanan ini dan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera, kerajaan memfokuskan pembentukan budaya usahawan sehingga





sekarang dengan pembentukan Dasar Pembangunan Negara (1990-2000), Wawasan 2020 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 yang berperanan sebagai agensi utama bagi pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju dan berdaya saing dalam semua sektor serta memupuk budaya keusahawanan dan koperasi dalam kalangan rakyat Malaysia (Mohani Abdul, 2008).

Permintaan industri untuk pelajar lulusan vokasional adalah tinggi dan akan terus meningkat. Pada tahun 2008, Kementerian Sumber Manusia melaporkan terdapat kekurangan sebanyak 700,000 sumber tenaga mahir dalam industri pembuatan, pertanian dan pembinaan di Malaysia (Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia, 2013-2025). Menyedari hakikat kepentingan pendidikan vokasional dalam pembentukan budaya usahawan dan bagi menangani masalah kekurangan sumber tenaga mahir, kerajaan telah menyediakan Pelan Transformasi Vokasional bagi mengukuhkan lagi latihan untuk graduan berkemahiran. Sebagai sebahagian dari pelan tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperluaskan pendidikan vokasional bermula pada peringkat menengah rendah lagi melalui program Program Asas Vokasional (PAV) dan mengukuhkan laluan sedia ada pada peringkat menengah melalui program Kolej Vokasional (KV).

Menjelang tahun 2013 ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menaiktaraf sebanyak 81 buah sekolah menengah teknik dan vokasional kepada kolej vokasional dan 15 daripada sekolah-sekolah tersebut telah pun dijadikan program rintis mulai





tahun 2012. Di antara objektif kolej vokasional adalah untuk melahirkan pelajar berkelayakan pekerjaan aras tinggi dan menepati kehendak industri, memupuk watak profesional dan melahirkan pelajar berkelayensi usahawan dalam bidang vokasional pilihan mereka. Semua pelajar di kolej vokasional ini akan mengikuti pengajian selama empat tahun selepas tamat Tingkatan Tiga dan pelajar akan memperolehi diploma kolej vokasional setelah mengikuti kursus selama lapan semester atau empat tahun (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, KPM, Tahun 2012). Kurikulum vokasional ini dirombak secara komprehensif meliputi 70 peratus kemahiran dan 30 peratus akademik supaya mencapai standard yang memenuhi keperluan pasaran kerja dan pasaran semasa.



1.3 Pernyataan masalah

Bidang keusahawanan telah dikenal pasti mampu untuk membuka ruang kejayaan bagi pelajar lepasan ijazah. Banyak insentif telah disediakan oleh kerajaan bagi menggalakkan para graduan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Unsur-unsur keusahawanan telah diperkenalkan secara formal dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah semenjak Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan pada tahun 1980. Unsur perdagangan dan keusahawanan telah diselitkan sebagai komponen teras dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah bagi pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga apabila





Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digubal pada tahun 1988. Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu ini diperkenalkan bertujuan untuk membekalkan para pelajar dengan kemahiran asas untuk mereka mengendalikan hidup secara produktif dalam dunia teknologi dan perdagangan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Pada tahun 1993, unsur keusahawanan dimasukkan ke dalam mata pelajaran Perdagangan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan seterusnya telah diserapkan pula ke dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun 1998. Kemudian, pada tahun 2002, Mata Pelajaran Vokasional (MPV) telah diperkenalkan sebagai mata pelajaran elektif bagi pelajar-pelajar Tingkatan Empat di sekolah-sekolah menengah harian. Pada tahun 2003 pula, mata pelajaran Pendidikan Keusahawanan telah dimulakan di Sekolah Menengah Teknik dan terkini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menaik tarafkan Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional kepada Kolej Vokasional.

Namun, persoalannya sekarang, sejauh manakah pelajar peringkat sekolah menengah mempunyai keinginan atau kecenderungan untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya masa depan mereka? Apakah yang boleh mempengaruhi mereka untuk melihat bidang ini sebagai satu pilihan untuk perkembangan kerjaya masa depan mereka? Adakah mereka sendiri yang membuat pilihan atau dipengaruhi oleh keluarga atau persekitaran? Adakah pendedahan minima kepada bidang keusahawanan mampu mempengaruhi kecenderungan keusahawanan





dalam kalangan pelajar peringkat sekolah menengah yang kurang mendapat pendedahan kepada ilmu dan kemahiran pengurusan perniagaan? Atau, adakah faktor individu dan budaya langsung tidak mempengaruhi kecenderungan keusahawanan seseorang individu itu pada masa kini?

Walaupun terdapat kajian berkaitan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah, kajian berkaitan kecenderungan keusahawanan lebih menjurus kepada pelajar universiti yang sememangnya mendapat pendedahan atas dalam ilmu keusahawanan, contohnya kajian untuk mengenal pasti sama ada pelajar tahun akhir jurusan Pengurusan Perniagaan mempunyai minat untuk menjadi usahawan setelah mereka tamat pengajian (Chien, Liang & Soon, 1996; Kolvereid & Moen, 1997; Mahmood & Bakar, 2002) dan kajian kecenderungan keusahawanan yang melibatkan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi seperti di universiti atau di politeknik (Mohd Salleh, 1992; Baharu, 1994; Barcelona & Valida, 1994; Zainal, Griggs & Planisek, 1995; Siti Hawa, 2009; Lim, Ng & Wong, 2012).

Oleh itu, berdasarkan kepada sistem pendidikan negara yang terkini, kajian mengenai kecenderungan keusahawanan yang melibatkan populasi yang lebih muda iaitu murid-murid sekolah rendah dan pelajar-pelajar sekolah menengah perlulah dijalankan.





1.4 Objektif kajian

1.4.1 Objektif umum

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar Tingkatan Tiga yang telah menduduki peperiksaan PMR di sekolah menengah di daerah Kuala Selangor.

1.4.2 Objektif khusus

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:



1. Membandingkan kecenderungan keusahawanan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan di antara etnik pelajar.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan kedudukan pelajar dalam keluarga.
4. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pendapatan ibu bapa pelajar.
5. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pekerjaan ibu bapa pelajar.





6. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan aliran Kemahiran Hidup pelajar.
7. Membandingkan kecenderungan keusahawanan dengan jawatan yang disandang oleh pelajar.
8. Membandingkan kecenderungan keusahawanan dengan pengalaman bekerja pelajar.
9. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pengaruh individu terhadap pelajar.



1.5 Persoalan kajian

Persoalan bagi kajian yang dijalankan adalah:

1. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan?
2. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan di antara etnik pelajar?
3. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan kedudukan pelajar dalam keluarga?





4. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pendapatan ibu bapa pelajar?
5. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pekerjaan ibu bapa pelajar?
6. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan aliran Kemahiran Hidup pelajar?
7. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan jawatan yang disandang oleh pelajar?
8. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pengalaman bekerja pelajar?
9. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pengaruh individu terhadap pelajar?



1.6 Hipotesis kajian

Hasil dari objektif-objektif kajian ini, hipotesis-hipotesis nul yang dibentuk untuk kajian ini adalah seperti berikut:





H_{o1} : Tidak terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

H_{o2} : Tidak terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan di antara etnik pelajar.

H_{o3} : Tidak terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan kedudukan pelajar dalam keluarga.

H_{o4} : Tidak terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pendapatan ibu bapa pelajar.

H_{o5} : Tidak terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pekerjaan ibu bapa pelajar.



H_{o6} : Tidak terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan aliran Kemahiran Hidup pelajar.

H_{o7} : Tidak terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan jawatan yang disandang oleh pelajar.

H_{o8} : Tidak terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pengalaman bekerja pelajar.

H_{o9} : Tidak terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dengan pengaruh individu terhadap pelajar.





1.7 Model kajian

Model ini menunjukkan perhubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Pemboleh ubah bersandar adalah ‘kecenderungan keusahawanan’ dan lima kategori pemboleh ubah tidak bersandar adalah ciri-ciri peribadi pelajar, hal berkaitan keluarga, hal berkaitan sekolah, pengalaman bekerja dan pengaruh individu.

Model kajian ini dibina berdasarkan model bagi menentukan kecenderungan keusahawanan yang dibentangkan oleh Shapero dan Sokol (1982), Bird dan Jelinek (1988), Krueger dan Carsrud (1993), dan Krueger, Reilly dan Carsrud (2000). Shapero

dan Sokol (1982) memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kewujudan kecenderungan keusahawanan. Mereka menyimpulkan bahawa kecenderungan keusahawanan wujud hasil daripada interaksi faktor keadaan dan sosial-budaya. Kecenderungan keusahawanan ini wujud hasil daripada satu proses dinamik yang mempunyai kesan ke atas individu yang mana persepsi dan nilai-nilai individu tersebut ditentukan oleh warisan sosial dan budaya serta pengalaman mereka sebelum ini.

Bird dan Jelinek (1988) mentakrifkan kecenderungan sebagai keadaan minda yang mengarahkan perhatian, pengalaman dan tindakan seseorang ke arah jalan yang tertentu untuk mencapai sesuatu. Ia adalah satu faktor penting dalam penubuhan usaha baru dan mempunyai kesan yang besar ke atas kejayaan dan kemajuan usaha tersebut.





Mereka mencadangkan bahawa proses ini biasanya bermula berdasarkan kepada keperluan peribadi, nilai-nilai, kehendak, tabiat dan kepercayaan seseorang terhadap sesuatu.

Krueger dan Carsrud (1993) mengkaji kecenderungan keusahawanan dengan mengaplikasikan teori tingkah laku terancang. Pembentukan kecenderungan keusahawanan ini bergantung kepada sikap terhadap perlakuan yang disasarkan yang mana ia mencerminkan kepercayaan dan persepsi seseorang itu. Ini bermakna bahawa kepercayaan seseorang terhadap bidang keusahawanan adalah sangat penting kerana ia mempengaruhi sikap mereka terhadap kecenderungan keusahawanan.

Kecenderungan keusahawanan dan sikap usahawan itu adalah bergantung kepada




situasi persekitaran dan personaliti individu yang terbabit. Menurut Krueger, Reilly dan Carsrud (2000) pula, kecenderungan adalah merupakan pemboleh ubah yang terbaik bagi mengukur sikap yang terancang terutama apabila sikap itu di anggap sebagai luar biasa, sukar dinyatakan dan melibatkan masa yang lama.

Rajah 1.1 adalah model skematik yang menunjukkan hubung kait kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.





Model Kajian:



Rajah 1.1. Model skematik menunjukkan hubung kait kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Adaptasi dari Shapero dan Sokol (1982), Bird dan Jelinek (1988), Krueger dan Carsrud (1993), dan Krueger et al. (2000).





1.8 Rasional kajian

Malaysia memerlukan ramai golongan usahawan demi merancakkan pembangunan ekonominya. Kecenderungan kepada bidang keusahawanan ini akan membuka peluang yang lebih besar bagi merancakkan lagi pertumbuhan perniagaan firma berteknologi tinggi dan seterusnya akan menjana ekonomi negara dengan lebih pantas.

Rasional kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat atau tidak petanda awal mengenai kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah untuk menjadi usahawan agar usaha membangunkan usahawan dari kalangan golongan muda dapat diperluaskan dan dipertingkatkan di Malaysia.

Kajian yang dijalankan ini juga diharap dapat menjawab persoalan sama ada ciri peribadi, faktor ibu bapa, sekolah, pengalaman dan faktor individu akan memberi kesan ke atas perbezaan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Selain itu, diharap agar kajian yang dijalankan ini dapat memberikan input maklumat tentang keadaan sebenar kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.





1.9 Signifikan kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk menjawab persoalan perbezaan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar Tingkatan Tiga selepas tamat menduduki peperiksaan PMR mereka. Walaupun pada masa kini kerajaan begitu menggalakkan setiap rakyat untuk menjadi usahawan tanpa bergantung kepada bekerja makan gaji semata-mata, namun adakah arah kecenderungan dan minat terhadap bidang keusahawanan sudah bermula seawal mereka di sekolah menengah lagi.

Kajian ini akan mempunyai implikasi yang besar untuk tujuan penyelidikan



lanjutan dan perancangan program-program keusahawanan. Data dan dapatan kajian boleh digunakan untuk menjana pengetahuan baru, hipotesis baru dan kerangka konseptual baru untuk kajian mengenai kecenderungan keusahawanan. Kajian ini juga dapat memberikan penjelasan yang lebih terpeinci kepada isu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dengan lebih mendalam.

Selain itu juga, diharap golongan pendidik akan cuba untuk memberi

rangsangan kepada pelajar mengenai kebaikan bidang keusahawanan. Ini secara tidak langsung akan dapat membantu para pelajar agar dapat membina keyakinan diri untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh pihak pentadbiran kolej dan universiti dalam memperkemaskan penawaran kursus-kursus vokasional atau keusahawanan yang dijalankan di kolej dan





universiti berkenaan. Penyelidik juga berharap yang hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada guru-guru dan pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan untuk mempertingkatkan usaha membangunkan pendidikan keusahawanan. Penyelidikan ini juga diharap dapat memberi maklumat kepada bakal penyelidik dalam bidang pendidikan untuk menjalankan kajian yang selanjutnya.

1.10 Skop kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar Tingkatan Tiga yang baru selesai menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) di tiga buah sekolah menengah di daerah Kuala Selangor.

1.11 Limitasi kajian

Terdapat beberapa limitasi bagi kajian yang dijalankan di antaranya adalah kajian ini hanya tertumpu kepada lima ciri kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar Tingkatan Tiga sahaja. Selain itu, kajian yang dijalankan adalah khusus di sekolah menengah harian di daerah Kuala Selangor sahaja. Terdapat tiga belas buah





sekolah menengah harian di daerah Kuala Selangor dan penyelidik telah memilih tiga buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Saujana Utama, Sekolah Menengah Puncak Alam dan Sekolah Menengah Sultan Sulaiman Shah berdasarkan faktor demografik di sekolah-sekolah tersebut. Di samping itu, hanya satu sahaja kaedah yang digunakan untuk mengumpul data iaitu dengan menggunakan kaedah mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar selepas mereka tamat menduduki peperiksaan PMR. Selain itu, kajian ini menghadapi limitasi dari segi kekangan masa kerana ia perlu dijalankan dalam tempoh yang terhad kerana perlu mengikut aktiviti akademik sekolah terbabit.

1.12 Definisi konseptual



Bahagian ini akan membincangkan tentang komponen asas untuk setiap ciri kecenderungan keusahawanan bagi membantu definisi operasional.

(a) Keinginan untuk mencapai kejayaan

Ciri-ciri yang dikaitkan dengan keinginan untuk mencapai kejayaan yang tinggi bermaksud keinginan untuk menentukan matlamat, mencapai matlamat tersebut dengan hasil usaha sendiri, menyelesaikan masalah dan mendapatkan maklum balas mengenai prestasi kerja. Apabila seseorang mempunyai keinginan untuk membuat





sesuatu dengan baik, mereka akan bersedia untuk mengorbankan keselesaan diri, menganalisa kelemahan diri dan berusaha gigih untuk memperbaiki diri sendiri. Mereka akan memperolehi maruah dan kepuasan dengan mencapai sesuatu kejayaan.

Hasil kajian yang berkaitan dengan ciri ini dijalankan buat julung kalinya oleh McClelland pada tahun 1950an dan 1960an. Menurut McClelland (1961), petanda-petanda bagi keinginan untuk mencapai kejayaan adalah keinginan untuk bertanggungjawab bagi membuat keputusan yang melibatkan risiko sederhana, tidak terlalu tinggi atau terlalu rendah dan juga keinginan untuk mendapatkan hasil yang baik berdasarkan keputusan yang diambil. Palmer (1971) pula menambah, keinginan untuk mencapai kejayaan adalah keupayaan untuk bekerja lebih keras bukan hanya kerana insentif, melibatkan pemikiran yang tajam dan berupaya untuk berfikir jauh ke hadapan serta lebih berminat untuk bekerja dengan orang yang mahir berbanding rakan sendiri.

Johnson dan Ma (1994) pula melaporkan yang keinginan untuk mencapai kejayaan adalah satu motivasi untuk cemerlang bagi mencapai matlamat berdasarkan satu set kepiawaian. Individu yang mempunyai keinginan ini akan menghabiskan masa memikirkan bagaimana untuk membuat sesuatu pekerjaan itu dengan lebih baik dan bagaimana untuk mencapai sesuatu yang penting untuk mereka. Mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang mencabar berdasarkan keupayaan mereka. Ini akan membawa kepada kepuasan kepada diri sendiri. Individu yang mempunyai keinginan untuk mencapai kejayaan akan menyumbang lebih dalam





aktiviti keusahawanan. Mereka mampu melakukan yang lebih baik dalam tugas-tugas yang mencabar dan berupaya menggunakan cara inovatif untuk meningkatkan prestasi mereka (Tong, Tong & Loy, 2011).

Sebagai rumusan, keinginan untuk mencapai kejayaan adalah keinginan untuk melakukan sesuatu yang lebih baik daripada yang sebelumnya, meletakkan satu standard yang tinggi untuk kecemerlangan dan keinginan untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik bagi mencapai kepuasan diri sendiri.

(b) Kreativiti dan inovasi



Keusahawanan sering dirujuk sebagai ‘ibu inovasi’ kerana ia bertindak sebagai agen perubahan inovatif yang menggerakkan sesuatu organisasi dan masyarakat ke hadapan (McClelland, 1961). Tunjang utama dalam karier seseorang usahawan adalah kreativiti dan inovasi. Kreativiti pada asasnya merujuk kepada penghasilan idea atau kaedah baharu, manakala inovasi pula merupakan proses bagi menjana dan menggunakan idea yang kreatif ini dalam menghasilkan produk atau perkhidmatan baru yang bernilai. Schumpeter (1934) merupakan orang pertama yang mengaitkan usahawan dengan inovasi. Beliau juga mendefinisikan kreativiti sebagai keupayaan untuk menghasilkan perkara baru di luar rutin harian, sentiasa mencari peluang baru dan mengambil kesempatan untuk membuat penambahbaikan dan keuntungan.





Gray (1989) pula mendefinisikan kreativiti sebagai keupayaan untuk menjana idea atau produk dan menghasilkan sesuatu yang baru dengan cara yang tersendiri dan unik. Berdasarkan definisi Gray (1989), inovasi adalah keinginan untuk mencari kaedah baru, termasuk kaedah untuk menguruskan perniagaan agar lebih efektif, kaedah memasarkan produk dan cara yang kreatif untuk membuat penambahbaikan. Inovasi mencerminkan kecenderungan individu untuk menyokong idea-idea yang baru, sesuatu yang baru, percubaan dan penciptaan proses yang dicungkil daripada teknologi terkini (Baker dan Sinkula 2009). Menurut Kamarudin dan Ramli (1990) pula, lima jenis inovasi yang dikenal pasti adalah:

- penambahbaikan produk atau perkhidmatan lama kepada yang baru.
- kaedah baru yang meningkatkan produktiviti.
- pembukaan pasaran baru atau pasaran ekspot di kawasan baru.
- mempunyai sumber baru bagi bahan baru, produk separa-siap atau bahan lain.
- membuka organisasi baru.

Menurut Amabile dalam Dolinger (1999), kreativiti akan membangkitkan keinginan untuk mengeluarkan produk atau proses yang boleh mendatangkan manfaat, bersesuaian dan bernilai terhadap sesuatu tugas yang lebih berbentuk heuristik berbanding algoritmik.

Sebagai kesimpulan, kreativiti dan inovasi adalah merujuk kepada keupayaan untuk berfikir dan bertindak secara bebas dengan cara yang unik.





(c) Kawalan lokus dalaman

Kawalan lokus dalaman bermaksud kawalan seseorang dalam kehidupannya dengan mempercayai kemampuannya menentukan hasil daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Rotter (1976) merupakan orang pertama yang memperkenalkan tentang teori kawalan lokus. Seseorang yang mempunyai kawalan lokus dalaman mempunyai kawalan terhadap kehidupan dan takdir mereka. Sebaliknya, seseorang yang mempunyai kawalan lokus luaran percaya bahawa nasib dan takdir mempengaruhi kehidupan mereka (Chell, Haworth, & Brearley, 1991). Menurut Ryans (1989), usahawan mempunyai kawalan lokus dalaman yang kuat, percaya bahawa kejayaan

dan kegagalan adalah atas kawalan dan pengaruh mereka sendiri, bukan ditentukan oleh faktor atau keadaan luaran. Mereka mengambil inisiatif dan meletakkan diri mereka dalam situasi di mana mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kejayaan atau kegagalan sesuatu yang ingin dicapai. Kuratko dan Hodgetts (2001) juga melaporkan yang usahawan yang berjaya mempunyai kawalan lokus dalaman dan tidak percaya takdir, nasib atau yang seumpamanya mengawal kejayaan atau kegagalan mereka. Individu-individu yang mempunyai kawalan lokus dalaman yang lebih tinggi dianggap boleh bekerja sendiri (Bonte & Jarosch, 2011) dan mempunyai motivasi yang tinggi untuk meningkatkan kecekapan kerja (Goksel & Aydintan, 2011). Mereka mempunyai keupayaan untuk mengawal persekitaran melalui tindakan mereka dan mereka bersedia untuk mengambil risiko (Mueller & Thomas, 2000). Gurol dan Atsan (2006) dan Khan, Ahmed, Nawaz dan Ramzan (2011) mendapatkan bahawa dengan lokus kawalan dalaman, pelajar akan melaksanakan sikap yang baik





terhadap kecenderungan keusahawanan dan kemungkinan yang tinggi untuk menjadi seorang usahawan.

Secara kesimpulannya, kawalan lokus dalaman merujuk kepada kepercayaan bahawa seseorang itu mempunyai kawalan sendiri terhadap kejayaan atau kegagalan dan mereka yang menentukan takdir mereka sendiri.

(d) Mengambil risiko terencana

Dalam konteks perniagaan, seorang yang berani mengambil risiko ditakrifkan sebagai seorang yang berani untuk meneruskan idea perniagaannya walaupun kebarangkalian

untuk berjaya adalah rendah (Chell et al, 1991). Walaupun begitu, ini tidak bermaksud berani mengambil risiko secara ‘membuta-tuli’ tetapi setelah mengambil kira pengiraan risiko yang terlibat dan hanya diteruskan sekiranya seseorang itu benar-benar yakin yang ada peluang untuknya berjaya (Chow & Tsang, 1994). Lim (1995) melaporkan yang keberanian mengambil risiko adalah merujuk kepada seseorang yang berani membuat keputusan di bawah keadaan yang tidak pasti. Menurut Finley (1990), mengambil risiko bermaksud membuat pelaburan di mana seseorang itu berani untuk mengambil langkah-langkah tertentu bagi meningkatkan kebarangkalian untuk berjaya.

Sebagai rumusan, keberanian mengambil risiko adalah merujuk kepada keupayaan untuk mengelakkan diri dari risiko tertentu dan keberanian untuk membuat keputusan di bawah keadaan yang tidak pasti bagi mencapai matlamat yang diingini.





(e) Keinginan autonomi

Hisrich dan Peters (1989) mengaitkan keinginan autonomi kepada keinginan untuk membuat sesuatu mengikut cara dan masa individu itu sendiri, yang sukar diikuti oleh orang lain. Begitu juga dengan Gray (1989) yang berpendapat bahawa keinginan autonomi adalah keinginan untuk menjadi bos sendiri, bebas dari arahan dan kawalan luar, mempunyai disiplin diri yang tinggi dan mempunyai keupayaan untuk mengatur aktiviti bagi mencapai matlamat sendiri. Menurut Finley (1990), keinginan autonomi adalah merujuk kepada sikap, pemikiran dan tindakan seseorang individu yang tidak mahu dipengaruhi oleh pandangan orang lain atau orang ramai. Robbins (1993) pula mendefinisikan keinginan autonomi sebagai satu tahap di mana individu mempunyai kebebasan dalam merancang kerja dan menentukan langkah-langkah untuk menjalankan kerja tersebut. Walau bagaimanapun, Chow dan Tsang (1994) mendakwa yang ciri-ciri tersebut adalah merujuk kepada keinginan untuk mengawal atau keinginan untuk berkuasa.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan yang keinginan autonomi adalah merujuk kepada keinginan untuk menjadi ketua sendiri dan tidak dipengaruhi oleh orang lain.





1.13 Definisi operasional

Definisi operasional adalah merupakan pengertian atau makna bagi sesuatu perkataan atau ayat tertentu.

Untuk kajian ini, definisi operasional bagi pemboleh ubah tidak bersandar yang berikut adalah digunakan:

(a) Ciri-ciri peribadi pelajar

- (a1) jantina iaitu merujuk kepada jantina pelajar, sama ada lelaki atau perempuan.
- (a2) etnik iaitu merujuk kepada bangsa pelajar, sama ada Melayu, Cina,



(b) Hal berkaitan keluarga

- (b1) kedudukan dalam keluarga iaitu merujuk kepada kedudukan kelahiran pelajar dalam keluarga.
- (b2) pendapatan keluarga iaitu merujuk kepada status sosio-ekonomi yang diukur berdasarkan pendapatan bulanan ibu bapa pelajar.
- (b3) pekerjaan ibu bapa iaitu merujuk kepada pekerjaan semasa ibu bapa pelajar sama ada bekerja sendiri, makan gaji, bersara atau tidak bekerja.





(c) Hal berkaitan sekolah

- (c1) aliran Kemahiran Hidup iaitu merujuk kepada aliran semasa mata pelajaran Kemahiran Hidup pelajar sama ada aliran Perdagangan dan Keusahawanan, Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga atau Pertanian.
- (c2) jawatan yang disandang iaitu merujuk kepada jawatan penting yang disandang oleh pelajar di sekolah sama ada Pengawas Sekolah, Ketua/Penolong Ketua Kelas, AJK Tertinggi Kelab/Persatuan atau Ahli Biasa Kelab/Persatuan.

(d) Pengalaman bekerja

merujuk kepada pengalaman bekerja yang pelajar pernah ada sama ada menjual barang, mengendalikan akaun, bantu menguruskan perniagaan, menghadiri kursus keusahawanan atau pun tiada pengalaman langsung.

(e) Faktor pengaruh individu

merujuk kepada orang yang banyak mempengaruhi keputusan pelajar untuk menjalankan perniagaan pada masa hadapan sama ada ibu bapa, adik beradik, guru, saudara mara atau kawan-kawan.

Manakala boleh ubah bersandar yang digunakan pula adalah merujuk kepada tahap kecenderungan keusahawanan yang diukur iaitu keinginan untuk mencapai kejayaan, kreativiti dan inovasi, kawalan lokus dalaman, mengambil risiko terencana dan keinginan autonomi.





- (a) Keinginan untuk mencapai kejayaan
merujuk kepada keinginan pelajar untuk membuat sesuatu dengan baik, menganalisa kelemahan diri dan berusaha gigih untuk memperbaiki diri sendiri bagi mencapai kecemerlangan.
- (b) Kreativiti dan inovasi
merujuk kepada keupayaan pelajar untuk berfikir dan bertindak secara unik, bebas melahirkan sesuatu yang baru dan tidak suka terikat kepada rutin harian dalam melakukan sesuatu aktiviti.
- (c) Kawalan lokus dalaman
merujuk kepada kepercayaan pelajar bahawa mereka mempunyai kawalan terhadap kejayaan atau kegagalan mereka, percaya pada diri sendiri dan berusaha gigih untuk mencapai masa depan mereka sendiri.
- (d) Mengambil risiko terencana
merujuk kepada pelajar yang mempunyai keupayaan untuk mencapai sesuatu matlamat, berani membuat keputusan serta berupaya mengenal pasti risiko yang bakal ditempuhi.
- (e) Keinginan autonomi
merujuk kepada pelajar yang tidak suka bergantung kepada orang lain, suka mengawal dan suka menjadi ketua dalam melakukan sesuatu perkara.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
28

Bab berikutnya akan membincangkan tentang ulasan karya berkaitan hasil kajian-kajian yang pernah dijalankan serta definisi konsep penting berkenaan keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi